AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 7 PRINTED SIZE: 174.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 1,328.00 ITEM ID: MY0068903557



21 APR, 2026

221 huffaz MRSM skor semua A dalam SPM

Sinar Harian, Malaysia

221 huffaz MRSM skor semua A dalam SPM

DUNGUN - Keberkesanan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) terus membuahkan hasil luar biasa apabila seramai 221 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 yang juga huffaz al-Quran, berjaya mencatatkan keputusan semua A dalam peperiksaan tersebut.

Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, kejayaan pelajar yang telah khatam 30 juzuk itu membuktikan bahawa penguasaan ilmu ukhrawi bukan penghalang, malah menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik.

Menurut beliau, pencapaian itu selari dengan matlamat Mara untuk melahirkan generasi teknokrat yang seimbang dari segi sahsiah dan intelek di kesemua 58 MRSM seluruh negara.

"Berkat mendampingi al-Quran terbukti apabila pelajar kita cemerlang dalam akademik. Kita mahu seboleh-bolehnya semua pelajar MRSM mampu mengkhatamkan 30 juzuk al-Quran melalui pengukuhan program ini.

"Sebanyak lima buah MRSM tersenarai sebagai lima sekolah terbaik negara dalam SPM 2025, malah lebih separuh daripada kelompok 'Top 20' sekolah terbaik didominasi oleh MRSM," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian MRSM Dungun yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid dalam ucapannya turut memuji kualiti pendidikan Mara yang menyaksikan MRSM Tun Ghafar Baba muncul sebagai sekolah nombor satu di Malaysia.

"Keputusan SPM lalu mencerminkan kerja keras kita semua. Selain MRSM Tun Ghafar Baba yang mencatatkan peningkatan pelajar semua A+ seramai 85 orang, MRSM Ulul Albab yang masih baharu seperti di ATM Bera dan Bagan Datuk juga sudah menempatkan diri dalam kelompok 15 terbaik negara.

"Sasaran kita jelas, MARA komited memperkasakan program Ulul Albab di seluruh MRSM agar pelajar bukan sahaja pakar dalam bidang sains dan teknologi, malah teguh jati dirinya dengan al-Quran," ujar beliau.

Katanya lagi, bagi pelajar Tingkatan Empat dan Lima yang memulakan pengajian di bawah modul baharu Ulul Albab sejak tahun lalu, mereka disasarkan untuk sekurang-kurangnya menghafaz surah-surah tertentu serta juzuk ke-30 sebelum menamatkan pengajian.

Sebagai penghargaan, Ahmad Zahid turut mengumumkan insentif RM100,000 kepada MRSM yang berada dalam kedudukan lima terbaik, selain kelulusan peruntukan RM650,000 bagi baik pulih infrastruktur di MRSM Tun Ghafar Baba.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 7 PRINTED SIZE: 174.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 1,328.00 ITEM ID: MY0068903557



21 APR, 2026

221 huffaz MRSM skor semua A dalam SPM

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

DUNGUN – Keberkesanan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) terus membuahkan hasil luar biasa apabila seramai 221 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 yang juga huffaz al-Quran, berjaya mencatatkan keputusan semua A dalam peperiksaan tersebut. Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, kejayaan pelajar yang telah khatam 30 juzuk itu membuktikan bahawa penguasaan ilmu ukhrawi bukan penghalang, malah menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.